

U GB 18-01 00256 BA555

bah

Parlimen - Pindaan

PINDAAN PERLEMBAGAAN BABITKAN LIMA PERUNTUKAN TAMBAHAN

KUALA LUMPUR, 18 Jan (Bernama) -- Rang undang-undang untuk meminda Perlembagaan Persekutuan yang dibentangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada hari pertama persidangan khas di Dewan Rakyat hari ini, membabitkan lima peruntukan tambahan dan pindaan kepada dua peruntukan sedia ada.

Lima peruntukan tambahan ialah Perkara 38 (2) (d), 42 (12), 63 (5), 72 (5) dan 181 (3) manakala peruntukan yang sedia ada yang dipinda ialah Perkara 32 dan 181 (2).

Rang undang-undang itu menyebut bahawa ia bertujuan meminda peruntukan-peruntukan yang relevan dalam Perlembagaan itu bagi maksud menarik balik imuniti Yang di-Pertuan Agong dan raja-raja terhadap apa-apa prosiding undang-undang di mana-mana mahkamah atas sifat peribadinya dan untuk membuat pindaan berbangkit lain yang timbul daripadanya.

Pada keseluruhannya, semua pindaan dan kemasukan peruntukan tambahan itu bertujuan:

- + menghadkan imuniti Raja-raja daripada segi undang-undang,
- + memindah kuasa mengampun individu yang ada pada Raja-raja kepada Majlis Raja-raja manakala Yang Dipertua Negeri kepada Ketua Menteri, dan
- + membolehkan anggota Dewan Rakyat, Dewan Negara dan Dewan Undangan Negeri membahaskan soal Raja-raja asalkan tidak mencadangkan penghapusan sistem Raja Berperlembagaan di kedua-dua dewan itu.

Perkara 32 berkenaan "Kepala Utama Negara bagi Persekutuan dan Permaisurinya" dipinda pada Fasal (1) memperuntukkan Yang di-Pertuan Agong tidak boleh didakwa di mana-mana mahkamah atau prosiding sekalipun ketika menjalankan tugas-tugas rasminya Yang di-Pertuan Agong.

Bagaimanapun, Yang di-Pertuan Agong boleh didakwa sekiranya melakukan kesalahan jenayah atau sivil atas sifat peribadinya. -- Lagi.

▼18/01/19-08MST

U GB 18-01 00307 BA556

11

bah

Parlimen - Perlembagaan 2 Kuala Lumpur

Perkara 181 (2) yang menyebut bahawa tiada apa-apa pembicaraan boleh dibawa dalam mana-mana mahkamah terhadap Raja bagi sesuatu negeri atas sifat peribadinya, dipinda menggantikan perkataan "atas sifat peribadinya" dengan perkataan "tetapi hanya berkenaan dengan apa-apa jua yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukan olehnya dalam perjalanan atau yang berupa sebagai perjalanan fungsi-fungsinya di bawah mana-mana undang-undang bertulis".

Fasal itu dipinda bagi menarik balik imuniti seseorang Raja terhadap prosiding undang-undang dalam mana-mana mahkamah atas sifat peribadinya yang bermakna mereka boleh didakwa di mahkamah sekiranya melakukan kesalahan jenayah atau sivil atas sifat peribadinya sendiri.

Fasal (3) yang ditambah kepada Perkara 181 itu pula membatalkan semua peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan imuniti Raja-raja di sisi undang-undang atas sifat peribadinya sendiri dan menarik balik apa-apa perlindungan yang selama ini tidak boleh dicabul terhadap kediaman mereka.

Bagaimanapun, bagi mengelakkan sebarang keraguan, rang undang-undang itu mengisytiharkan bahawa tiada apa-apa prosiding juapun boleh dibawa dalam mana-mana mahkamah terhadap Raja sesuatu negeri atas sifat peribadinya berkenaan dengan apa-apa jua yang dilakukan atau ditinggalkan daripada dilakukannya, sebelum mula berkuatkuasanya akta yang hendak diperbuat menerusi rang undang-undang itu.

Perkara 38, yang menyentuh fungsi Majlis Raja-raja, memasukkan peruntukan tambahan (d) pada Fasal (2) yang mana Yang di-Pertuan Agong dan Raja-raja tidak boleh mengampun, menggantung atau meringankan hukuman terhadap dirinya sendiri atau isterinya. Kuasa pengampunan itu dipindahkan kepada Majlis Raja-raja.

Perkara 42, yang menyentuh kuasa pengampunan, kaedah pengampunan dan anggota Jemaah Pengampunan yang ada pada Yang di-Pertuan Agong, Raja-raja dan Yang Dipertua Negeri, ditambah Fasal (12) yang memperuntukkan bahawa Yang di-Pertuan Agong, Raja-raja dan Yang Dipertua Negeri tidak boleh mengampun, menggantung atau meringankan hukuman terhadap dirinya atau isterinya.

Kuasa pengampunan itu dipindahkan kepada Majlis Raja-raja dan Yang di-Pertuan Agong dan Raja-raja berkenaan tidak boleh menganggotai majlis itu. -- Lagi.

▼18/01/19-09MST

CNS8244

R GB 18-01 00328 BA558

bah

Parlimen - Perlembagaan 3 Kuala Lumpur

Dalam melaksanakan tanggungjawabnya itu, Majlis Raja-raja dikehendaki memastikan Yang di-Pertuan Agong tidak diiringi Perdana Menteri manakala Raja-raja pula tidak disertai oleh Menteri Besar masing-masing semasa mesyuaratnya dan sebelum membuat keputusan, majlis itu perlu menimbang pendapat bertulis yang diberikan oleh Peguam Negara.

Apabila ia membabitkan soal pengampunan, menggantung atau meringankan hukuman terhadap anak-anak Yang di-Pertuan Agong dan Raja-raja, Majlis Raja-raja akan menamakan Raja sesuatu negeri untuk membuat keputusan itu dan Raja-raja berkenaan perlu bertindak mengikut nasihat Lembaga Pengampunan yang ditubuhkan untuk tujuan itu.

Kuasa pengampunan yang ada pada Yang Dipertua Negeri pula dipindahkan kepada Ketua Menteri sekiranya bersabit dengan soal pengampunan atau meringankan hukuman terhadap Yang Dipertua Negeri sendiri, isteri atau anak-anaknya.

Ketua Menteri perlu bertindak atas nasihat Lembaga Pengampunan Negeri ketika melaksanakan tanggungjawab itu dan Yang Dipertua Negeri tidak boleh menganggotai lembaga itu.

Perkara 63, yang menyentuh "Keistimewaan-keistimewaan Parlimen", ditambah peruntukan Fasal (5) yang mana anggota Dewan Rakyat dan Dewan Negara boleh membahaskan isu berkaitan Yang di-Pertuan Agong dan Raja-raja secara bebas tanpa dihalang oleh peruntukan hasutan yang ada di dalam Perlembagaan Persekutuan tetapi mereka ditegah daripada mencadangkan penghapusan sistem Raja Berperlembagaan.

Perkara 72, yang menyentuh "Keistimewaan-keistimewaan Dewan Undangan Negeri", menambah peruntukan Fasal (5) yang mana anggota Dewan Undangan Negeri boleh membahaskan isu berkaitan Raja-raja secara bebas tanpa dihalang oleh peruntukan hasutan yang ada di dalam Perlembagaan Persekutuan tetapi mereka ditegah daripada mencadangkan penghapusan sistem Raja Berperlembagaan.

Peruntukan tambahan kepada Perkara 63 dan Perkara 72 itu membebaskan anggota Dewan Rakyat, Dewan Negara dan Dewan Undangan Negeri daripada peruntukan hasutan iaitu Perkara 10 (4) Perlembagaan Persekutuan dan Akta Hasutan 1948 (Pindaan 1970) yang selama ini menyekat mereka daripada menyentuh soal Raja-raja ketika perbahasan di dewan.

Bagaimanapun, mereka masih tertakluk kepada peruntukan hasutan sekiranya mereka menganjurkan penghapusan sistem Raja Berperlembagaan.

Dari segi implikasi kewangan, rang undang-undang itu tidak akan melibatkan kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan tambahan. -- Bernama.

▼18/01/19-23MST